



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 29, Mercu UEM  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: +603 2119 0000 Fax: +603 2119 0008  
pcg@treasury.gov.my



**KENYATAAN MEDIA**  
Nusajaya, 22 Mei 2010

## **PM Lancar Portal MYWorkLife Untuk Menarik Pekerja Berpengetahuan Ke Malaysia**

- **Respons strategik untuk menarik pekerja berpengetahuan ke Malaysia**
- **Zon ekonomi utama, Iskandar Malaysia dipilih sebagai lokasi MYWorkLife Showcase dengan kemudahan terkini, infrastruktur lengkap dan Pusat Perniagaan Sehati untuk memastikan kehidupan yang pantas, mudah dan senang**

Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, telah melancarkan portal MYWorkLife, satu platform maya interaktif berasaskan Internet bagi menarik pekerja berpengetahuan untuk bekerja dan menetap di Malaysia. Inisiatif strategik itu akan melengkapkan usaha negara untuk mengisi jurang dalam menarik kumpulan yang berbakat, sekaligus menyokong pembaharuan ekonomi yang dianjurkan di bawah Model Ekonomi Baru (MEB).

Platform dalam talian itu memberi kemudahan kepada mereka yang berbakat, di dalam dan luar negara, untuk mendapatkan maklumat yang dapat membantu mereka membuat keputusan sama ada Malaysia bersesuaian dengan aspirasi kerjaya mereka.

"Portal MYWorkLife merupakan sebahagian daripada respons strategik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC untuk menarik golongan yang berbakat ke Malaysia memandangkan kumpulan berbakat penting untuk melaksanakan pembaharuan di bawah MEB," kata Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Dato' Azman Hj. Mokhtar.

Menteri Besar Johor, YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman mengiringi Perdana Menteri di majlis pelancaran portal pada acara gaya hidup MYWorkLife@Iskandar Showcase di Puteri Harbour, Kota Iskandar, Johor.

Sebagai permulaan, MYWorkLife menampilkan Iskandar Malaysia sebagai tempat yang ideal untuk bekerja memandangkan ia bakal menjadi zon pertumbuhan tinggi ekonomi, dengan itu menawarkan bukan hanya faedah ekonomi tetapi juga kehidupan yang selesa, dengan kemudahan bersepadu dan prasarana yang lengkap. Sebagai contoh, kerajaan telah mengumumkan dalam Budget 2010 bahawa pekerja berpengetahuan di dalam aktiviti bersesuaian akan menikmati pengecualian cukai sebanyak 15% semasa bekerja di Iskandar Malaysia.

"Keputusan untuk berpindah adalah satu keputusan yang rumit disebabkan pelbagai faktor untuk dipertimbangkan. MYWorkLife, satu platform interaktif dalam talian adalah satu cara yang mudah untuk



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 29, Mercuri UEM  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: +603 2119 0000 Fax: +603 2119 0008  
pcg@treasury.gov.my



golongan sasaran mencari maklumat yang berkaitan, di samping itu mengenali Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (“GLC”) sebagai majikan pilihan,” kata Tan Sri Dato' Azman.

Portal itu membolehkan para pengunjung berinteraksi serta mendaftar secara maya dengan pejabat maya GLC. Sebagai contoh, pengunjung yang berdaftar boleh bercakap dengan wakil pengurusan utama serta mengenali syarikat-syarikat tersebut.

MYWorkLife juga akan menampilkan peluang yang bakal diperoleh di zon koridor ekonomi yang lain termasuk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (“ECER”) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (“SCORE”), serta syarikat-syarikat swasta yang beroperasi di Malaysia.

MYWorkLife@Iskandar Showcase menampilkan inisiatif transformasi utama Program Transformasi GLC (“GLCT”) dan Program Transformasi Kerajaan (“PTK”) serta dialog bersama ketua-ketua pengarah eksekutif daripada GLC-GLC tertentu dan badan berkenaan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala yang mengetuai inisiatif-inisiatif PTK, juga menyampaikan perkembangan terkini mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (“NKRA”).

Pameran-pameran utama semasa acara dua hari ini termasuk Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (“PEMANDU”) di samping pameran Iskandar Malaysia oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (“IRDA”), Iskandar Investment Berhad (“IIB”), UEM Land Holdings Berhad dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

**TAMAT**

*Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di talian +03-2034 0294 atau e-mel [asuki.abas@khasanah.com.my](mailto:asuki.abas@khasanah.com.my)*